# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 19 BILANGAN 5 RABU 30HB. JANUARI, 1974. رابو 6 محرم 1394 PERCHUMA




Allahyarham Y.B. Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib.

## Meninggal dunia di-Mekah

**BEKAS Pmk. Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib bin Haji Awang Besar, 58 tahun telah kembali ka-rahmatullah pada 22hb. Januari di-rumah sakit Mekah sa-telah selesai menunaikan fardhu haji dan sa-baik2 saja akan berangkat pulang ka-tanah ayer.**

**Allahyarham ada-lah salah sa-orang dari 9 orang jemaah haji Brunei yang telah meninggal dunia di-Mekah dalam musim haji tahun ini.**

**Sa-telah berkhidmat sa-lama 36 tahun di-berbagai2 Jabatan Kerajaan, Allahyarham di-sifatkan sa-bagai sa-orang yang pendiam, tekun dalam pekerjaan, amat teliti dan suka menunjok ajar kapada pegawai2 di-bawah-nya.**

**Allahyarham meninggalkan sa-orang balu dan dua orang anak. Anak yang tua sekali ia-lah Awang Abdul Rahman, Pegawai Pentadbir Kanan di-Pejabat Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan sa-orang anak perempuan yang maseh bersekolah.**

**Allahyarham mula berkhidmat dengan Kerajaan sa-bagai kerani dalam bulan Oktober 1934 dan dalam bulan Jun 1940 beliau di-naikkan pangkat sa-bagai pegawai pentadbir dan di-lantek menjadi Penolong Pemungut Hasil Tanah di-Pejabat Tanah Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan).**

**(Lihat muka 5)**

## D.Y.M.M. BERANGKAT MELAWAT KAMPONG2 DI-ULU BELAIT

**KUALA BELAIT. — D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat ka-Daerah Belait pada hari Isnin lepas untok melakukan lawatan ka-lima buah kampong di-Ulu Belait.**

Kampong2 yang di-lawati baginda ia-lah Bukit Sawat, Merangking Ulu, Buau, Sukang, dan Labi.

Turut serta mengiringi baginda dalam lawatan itu termasok-lah Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Pemerentah AMDB, Col. Dato B.F.L. Rooney dan Pegawai Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Duli Yang Maha Mulia dan rombongan mula2 sekali melawat Kampong Bukit Sawat. Dari Kampong Bukit Sawat baginda dan rombongan berangkat ka-Kampong Merangking Ulu dan dari sana baginda dan rombongan berangkat pula ka-Kampong Buau.

Dalam lawatan ka-kampong2 tersebut, baginda telah menaiki pesawat helikopter Askar Melayu Diraja Brunei.

Dari Kampong Buau, Duli Yang Maha Mulia dan rombongan berangkat berjalan kaki ka-Kampong Sukang ia-itu sa-jauh kira2 tujoh batu.

Di-Kampong Sukang, Duli Yang Maha Mulia telah beramah mesra dengan kaum Punan di-sana.

Dalam masa lawatan Duli Yang Maha Mulia ka-kampong2 itu, baginda telah di-sambut dengan meriah-nya oleh pendudok2 di-kampong2 tersebut.

Baginda juga telah di-sembahkan beberapa hadiah chenderamata yang berupa meriam, sumpitan dan utap.



**DULI Yang Maha Mulia sedang berjabat salam dengan kaum Punan yang telah mengalu2kan keberangkatan baginda ka-Kampong Sukang.**

## Ketetapan harga minyak tanah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Pemasaran Shell di-Brunei telah memberikan penjelasan mengenai harga runchit minyak tanah chap 'Crown' ia-itu minyak yang di-jual sa-chara runchit dan bukan-nya sa-chara banyak oleh sebab minyak tanah chap 'Crown' tidak lagi boleh di-dapati dalam tin2 empat gilin.

Satu kenyataan yang di-keluarkan oleh sharikat itu, berkata jika minyak tersebut di-beli dari tempat khas penjual minyak Shell di-Bandar Seri Begawan atau Pekan Tutong, harga rasmi-nya ia-lah 90 sen sa-gilin.

Bagaimana pun, jika pembeli2 membeli minyak tanah di-tempat2 tersebut sa-chara runchit, penjual-nya berhak mengenakan bayaran kerana kerja2 untok mengisi minyak itu, dengan menaikan harga tidak lebeh dari $1.00 sa-gilin.

Kenyataan itu menerangkan apabila penjual2 tersebut menghantar minyak itu kapada pembeli2 samada di-kampong2, ka-rumah2 atau di-kedai2 mereka, penjual tersebut berhak mengenakan bayaran kerana menghantar-nya ia-itu tidak lebeh dari sa-ringgit sa-gilin di-mana2 kawasan di-Bandar Seri Begawan atau Pekan Tutong.

Peratoran2 yang sama juga di-kenakan di-Daerah2 Belait dan Temburong, tetapi harga-nya ada-lah lebeh sedikit oleh

**(Lihat muka 5)**

## Majlis penyampaian hadiah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri akan menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 peraduan menulis buku ilmu kesihatan.

Majlis penyampaian itu akan di-adakan di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Jumaat 1hb. Februari mulai jam 8.00 pagi.

Sa-ramai lapan orang peserta telah menghantar karangan mereka bagi menyertai peraduan tersebut — tujoh dari Bandar Seri Begawan dan sa-orang dari Kuala Belait.

Sa-orang juruchakap penganjor peraduan itu meminta semua peserta yang mengambil bahagian dan jemputan2 khas supaya hadhir di-majlis itu.

# RENGKASAN SEJARAH BRUNEI

(SAMBONGAN MINGGU LALU)

Oleh: Y.B. PEHIN ORANG KAYA AMAR DIRAJA DATO SERI UTAMA (DR) AWG. HAJI MOHD. JAMIL AL-SUFRI

## RENGKASAN TERSILAH KETURUNAN SULTAN BRUNEI

DALAM tahun Masehi 1826, oleh kerana Sultan Muhammad Kanzul Alam merasa diri baginda telah tua, baginda telah menyerahkan pula Kerajaan yang di-pangku itu kapada putera baginda yang bernama Pengiran Muda Muhammad Alam untok menjalankan kuasa yang di-jalankan oleh baginda itu. Sunggoh pun baginda sa-bagai pemangku Sultan tetapi baginda menamakan diri juga sa-bagai Sultan Muhammad Alam (dari T.M. 1826 — 1828). Di-waktu itu oleh kerana Sultan Omar Ali Saifuddin II yang memang berhak untok menaiki takhta Kerajaan itu pun telah rumaja maka timbul-lah sasuatu keadaan yang membimbangkan. Akan tetapi oleh kerana keris Si-Naga yang menjadi lambang Kerajaan itu maseh di-pegang oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II, maka Pehin Jawatan Munaf yang menjadi penasehat kapada baginda tetap menganggap bahawa Sultan Omar Ali Saifuddin II ada-lah Sultan yang sah dan sekalian pengikut2-nya berdiri tegoh di-belakang baginda.

Pada tahun Masehi 1828 apabila Sultan Muhammad Alam telah lindong maka Sultan Omar Ali Saifuddin II (dari T.M. 1828 — 1852) pun terus menaiki takhta Kerajaan. Di-masa itu putera Sultan Muhammad Kanzul Alam yang bernama Pengiran Muda Hashim nampak-nya sa-akan2 berniat untok menaiki takhta Kerajaan juga, tetapi maksud itu tidak dapat di-teruskan di-sebabkan kedudokan Sultan Omar Ali Saifuddin II mempunyai sokongan yang kukoh di-kalangan raayat pada keselurohan-nya. Sultan Omar Ali Saifuddin II ini mempuyai beberapa orang putera2 dan puteri2 antara lain bernama Pengiran Muda Muhammad Alam, Pengiran Anak Mohd. Salleh yang kemudian-nya menjadi Pengiran Pemancha (yang beranakkan Pengiran Omar Ali yang berkahwin dengan Pengiran Babu Raja Anak Tengah binte Pengiran Pemancha Pengiran Anak Mohd. Salleh II ibnu Pengiran Maharaja Lela Pengiran Anak Abdul Kahar), Pengiran Anak Hashim (Pengiran Temenggong kemudian-nya menjadi Sultan Hashim), Pengiran Anak Mariam (yang berkahwin dengan Pengiran Maharaja Lela Pengiran Anak Abdul Kahar ibnu Pengiran Kerma Indera[1] ibnu Pengiran Ismail[2] ibnu Pengiran Temenggong Ampa[3] Pengiran Abdul Kahar ibnu Pengiran Digadong Shah Mubin ibnu Sultan Muhyiddin beranakkan Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Tengah dan Pengiran Pemancha Pengiran Anak Md. Salleh II), Pg. Anak Saleha (yang berkahwin dengan Pengiran Muda Besar Muhammad Jamalul Alam ibnu Pengiran Digadong Pengiran Anak Muhammad Tajuddin[4] ibnu Sultan Muhammad Jamalul Alam) dan Raja Isteri Zubaidah (yang berkahwin dengan Sultan Abdul Momin ibnu Pengiran Shahbandar Pengiran Abdul Wahab[5] ibnu Sultan Omar Ali Saifuddin I).

Apabila Sultan Omar Ali Saifuddin II telah lindong pada T.M. 1852 maka tatkala hendak memileh pengganti Sultan, maka yang pertama sekali peluang itu telah di-tawarkan kapada Pengiran Digadong Pengiran Anak Muhammad Tajuddin kerana ia putera Sultan yang terkanan di-waktu itu. Akan tetapi oleh kerana ia telah menolak maka baru-lah chadangan itu berpindah kapada Pengiran Anak Abdul Momin. Maka Pengiran Anak Abdul Momin pun menerima-nya dan terus menjadi Sultan dengan nama Sultan Abdul Momin. Apabila Sultan Abdul Momin ini lindong pada T.M. 1885 pula, oleh kerana baginda tidak mempunyai putera2 dan di-waktu itu putera Sultan Omar Ali Saifuddin II yang bernama Pengiran Pemancha Pengiran Anak Mohd. Salleh pun telah mangkat juga, maka baginda telah di-ganti oleh Sultan Hashim (Pengiran Temenggong Pengiran Anak Hashim). Pengiran Temenggong Pengiran Anak Hashim ini pertama kali-nya berkahwin dengan Pengiran Chendera Kesuma binte Pengiran Negara Indera ibnu Pengiran Indera Mahkota[6] berputerakan Pengiran Muda Besar Omar Ali Saifuddin (yang berkahwin dengan Pengiran Anak Siti Katijah ibnu Pengiran Muda Besar Muhammad Jamalul Alam ibnu Pengiran Digadong Muhammad Tajuddin beranakkan Pengiran Anak Tajuddin Gador dan Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman) dan Raja Isteri Zubaidah yang berkahwin dengan Pengiran Bendahara Pengiran Anak Muhammad ibnu Pengiran Anak Tajuddin ibnu Sultan Muhammad Kanzul Alam beranakkan Pengiran Muda Abdul Wahab, Pengiran Anak Besar Abdul Momin dan Pengiran Anak Damit yang berkahwin dengan Pengiran Anak Tajuddin Gador ibnu Pengiran Muda Besar Omar Ali Saifuddin ibnu Sultan Hashim. Kemudian baginda Sultan Hashim berkahwin lagi dengan Pengiran Siti Fatimah ibnu Pengiran Saiful Razil[7] ibnu Pengiran Mohd. Yusof ibnu Sultan Muhammad Tajuddin[8] berputerakan Pengiran Muda Tengah dan Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Apabila Sultan Hashim telah lindong pada T.M. 1907 maka baginda telah di-ganti oleh Sultan Muhammad Jamalul Alam II kerana putera2 gahara baginda yang lain telah mangkat terlebeh dahulu. Sultan Muhammad Jamalul Alam II ini berkahwin dengan Raja Isteri Pengiran Anak Fatimah ibnu Pengiran Omar Ali[9] ibnu Pg. Pemancha Anak Mohd. Salleh ibnu Sultan Omar Ali Saifuddin II. Putera2 Sultan Muhammad Jamalul Alam dengan isteri baginda Raja Isteri Pengiran Anak Fatimah ini antara lain Sultan Ahmad Tajuddin, Sultan Omar Ali Saifuddin III, Pengiran Muda Gambar, Pengiran Anak Puteri Besar, Pengiran Anak Puteri Tengan, Pengiran Anak Puteri Damit. Apabila Sultan Muhammad Jamalul Alam lindong pada T.M. 1924 baginda di-ganti oleh Sultan Ahmad Tajuddin. (yang berkahwin dengan Tengku Ampuan Raihani ibnu Sultan Sulaiman — Selangor berputerikan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Nor Ehsan).

Anak tetapi oleh kerana baginda tidak mempunyai putera yang gahara maka apabila baginda lindong pada T.M. 1950 baginda telah di-ganti oleh D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Omar Ali Saifuddin III (sekarang bergelar D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan) ibnu Sultan Muhammad Jamalul Alam II. D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Omar Ali Saifuddin ini berkahwin dengan Raja Isteri Anak Damit ibnu Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman (yang berkahwin dengan Pengiran Fatimah binte Hj. Hassan[10] bin Pehin Siraja Khatib Haji Mohd. Daud[11] bin Haji Othman Betawi[12]) ibnu Pengiran Muda Besar Omar Ali Saifuddin ibnu Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin berputera dan berputerikan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammah Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masnah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Nasibah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Jafriah.

Pada 4hb. Oktober, T.M. 1967 D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin III (sekarang D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan) telah menurunkan diri dari takhta maka baginda telah di-gantikan oleh putera baginda D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkahwin dengan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Isteri Anak Saleha ibnu Pg. Pemancha Pg. Muda Haji Mohd. Alam (yang berkahwin dengan Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Besar binte Pengiran Anak Haji Mohd. Hassan[13] bin Pengiran Anak Ismail Apong[14] ibnu Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin) berputerikan Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah.

---

1. yang berkahwin dengan Pengiran Babu Zakiah ibnu Pengiran Indera Mahkota. Mungkin Pengiran Indera Mahkota (yang berkahwin dengan Pg. Babu Sharbanun ibnu Raja Bendahara Alam ibnu Sultan Muhammad Ali) ibnu Pengiran Abdul Rahman ibnu Pengiran Temenggong Dakula ibnu Sultan Abdul Hakkul Mubin.
2. yang berkahwin dengan Pengiran Anak Aishah ibnu Sultan Omar Ali Saifuddin I.
3. Pg. Ismail di-katakan ibnu Pg. Temenggong Ampa itu ada-lah menurut sabda pernah di-sebut oleh Pg. Anak Haji Tajuddin ibnu Pg. Pemancha Pengiran Anak Mohd. Salleh II. Ada juga riwayat yang menyatakan Pg. Ismail ini di-katakan anak Pengiran Digadong Kahar ibnu Pg. Temenggong Shamsuddin, tetapi sa-telah di-selideki sabda Pg. Anak Haji Tajuddin itu lebeh sesuai.
4. yang berkahwin dengan Pg. Babu Fatimah binte Pg. Sulaiman (yang berkahwin dengan Pengiran Anak Mariam ibnu Sultan Muhammad Kanzul Alam) beranakkan Pg. Muda Besar Muhammad Jamalul Alam).
5. yang berkahwin dengan Pg. Babu Lawiah binte Pg. Indera Mahkota ibnu Pg. Abdul Rahman ibnu Pg. Temenggong Dakula ibnu Sultan Abdul Hakkul Mubin.
6. mungkin Pg. Indera Mahkota ibnu Abdul Rahman yang telah di-sebutkan.
7. yang berkahwin dengan Eng Nioh yang terkenal dengan nama Pian Jamaliah.
8. yang berkahwin dengan Dayang Asiah binte Manteri Husain bin Manteri Puteh bin Dato Gadom bin Bendahara Harun (Tanjong Sungayang, Pagar Ruyong, Minangkabau) berputerakan Pg. Anak Yusof.
9. yang berkahwin dengan Pg. Babu Raja Pg. Anak Tengah ibnu Pg. Maharaja Lela Pg. Anak Abdul Kahar ibnu Pg. Kerma Indera (yang berkahwin dengan Pg. Babu Zakiah binte Pg. Indera Mahkota) Pengiran Ismail (yang berkahwin dengan Pengiran Babu Aishah ibnu Sultan Omar Ali Saifuddin I) ibnu Pengiran Temenggong Ampa yang terkenal dengan nama Pg. Temenggong Tua Pengiran Pengiran Abdul Kahar ibnu Pengiran Digadong Shah Mubin ibnu Sultan Muhyiddin.
10. yang berkahwin dengan Hajjah Zainah binte Pehin Dato Perdana Manteri Haji Abdul Rahman (yang berkahwin dengan Siti Aminah) bin Haji Othman Betawi.
11. yang berkahwin dengan Hajjah Saleha, Singapura.
12. yang berkahwin dengan Tuan Aishah binte Pehin Khatib Abdul Latif (yang berkahwin dengan Sharifah Azizah bin Haji Muhammad Taha.
13. yang berkahwin dengan Pg. Anak Piut binte Pg. Anak Tajuddin Gador (yang berkahwin dengan Pengiran Anak Damit binte Pg. Bendahara Pengiran Anak Muhammad ibnu Pg. Anak Tajuddin ibnu Sultan Muhammad Kanzul Alam) ibnu Pengiran Muda Besar Omar Ali Saifuddin ibnu Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin.
14. yang berkahwin dengan Pg. Hitam binte Pengiran Sulaiman bin Pg. Anak Yusof ibnu Sultan Muhammad Tajuddin.

# AWAL HIJRAH MEMBAWA KEJAYAAN BESAR KAPADA RASULULLAH s. a. w.

## Sejarah Hijrah patut di-jadikan perbandingan dan tapak berpijak untok menghadapi tahun2 yang akan datang

KITA umat Islam sekarang berada di-ambang pintu awal tahun Hajrah 1394, alhamdulillah shukor-lah kita moga2 Allah jua yang melanjutkan usia kita dan mengorniakan kita dengan nikmat sehat afiat pada menjalankan segala tugas2 dan kewajipan untok kepentingan keluarga, ugama, bangsa dan tanah ayer.

Dengan ketibaan bulan Muharam tahun 1394 ini berarti sa-tahun lagi-lah bertambah umor kita, maka di-sini-lah kita perlu memalingkan ingatan kita kapada sa-tahun yang telah kita lalui itu bagi maksud mengkaji apakah perubahan2, apakah perbedzaan2 yang telah kita chapai. Bagaimanakah keadaan hidup kita, bagaimanakah kedudokan ekonomi kita, bagaimanakah keadaan masharakat kita, bagaimanakah perdirian shi'ar Islam kita, bagaimanakah perangai dan tingkah laku kita, anak2 kita dan bagaimanakah kedudokan pelajaran anak2 kita. Kalau tidak ada perubahan2 yang baik berarti kita tidak bergerak maju untok melakukan perubahan2 yang berfaedah dan berkebajikan. Tetapi jika ada perubahan2 yang baik maka berarti kita telah melakukan perubahan2 yang menggalakkan dan harus pula di-jadikan alat pendurong untok kita bergerak dengan lebeh ranchak dan chergas pada tahun baru ini.

Bulan Muharam yang telah di-tetapkan oleh Saidina Omar r.a. dan para sahabat sa-bagai awal tahun Hijrah mengingatkan kita tahun yang membawa kejayaan besar kapada Rasulullah s.a.w. dan umat Islam di-zaman junjongan kita berhijrah ka-Medinah dan melakukan perbaikan ekonomi umat Islam, memasokkan sa-bilangan orang2 Yahudi ka-dalam Ugama Islam, memperkuatkan orang2 Islam berniaga dan mengambil aleh sa-bahagian besar perniagaan daripada orang2 Yahudi, serta memperkukohkan kedudokan umat dan negara Islam di-Medinah.

Sejarah Hijrah dan perubahan2 yang di-datangkan itu patut-lah kita jadikan perbandingan dan sa-bagai tapak berpijak untok menghadapi tahun2 akan datang yang penoh dengan chabaran. Disamping itu mari kita ikuti firman Allah Subhanahu-Wataala di-dalam Quran yang bermaksud:

**"Wahai orang2 yang beriman, bertakwa-lah kamu kapada Allah dan hendak-lah manusia itu memperhatikan apa yang akan di-usahakan untok hari kemudian-nya, bertakwa-lah kamu kapada Allah, sesunggoh-nya Allah maha bijaksana lagi maha mengetahui apa2 yang kamu kerjakan".**

Menurut firman Allah itu, Tuhan menganjorkan dan mengingatkan kita supaya berusaha untok menambah amal dan usaha2 lain di-jalan Allah sa-bagai persediaan untok hari kemudian. Dan Tuhan juga mengingatkan kita jangan lalai dari bersedia2 menghadapi hari kiamat dan hari yang kekal abadi itu.

Oleh hal yang demikian, disamping kita mengorak langkah membuat perubahan2 dari segi kehidupan kita, janganlah pula sampai kita terlalai menambahkan amal dan kebajikan kita. Mudah2an dengan demikian kita bukan sahaja akan mendapat kejayaan didunia bahkan juga kejayaan di-akhirat. Mari-lah kita bersama2 berdo'a mudah2an kita akan sentiasa mendapat taufik dan hidayah untok melakukan segala tugas dan kewajipan kita dalam semua bidang kehidupan kita.

## Penuntut2 Ugama melanjutkan pelajaran ka-Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 38 orang penuntut Brunei yang menerima dermasiswa Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu untok menyambong pelajaran mereka di-Sekolah Arab Al-Juned Singapura.

Mereka itu ada-lah sa-bahagian dari 58 orang penuntut yang terlibat dalam penarekan penuntut2 dari Semenanjong Malaysia dalam bulan lepas.

Enam orang penuntut itu ia-lah dari Maktab Kadir Adabi Kelantan; 11 orang dari Kolej Islam; 8 orang dari Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin Trengganu dan 6 orang penuntut persendirian yang menuntut di-Sekolah Menengah Ugama Mahat, Johor.

(Lihat muka 6)




**GAMBAR ATAS: Peserta2 Pertandingan Bintang Radio 1973 perengkat akhir bergambar ramai sa-telah selesai pertandingan tersebut. Pertandingan itu telah di-adakan di-Dewan Raya Bandar Seri Begawan pada 19hb. Januari yang lalu.**

**Pertandingan itu ada-lah projek t a h u n a n Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan di-kelolakan oleh Perkhidmatan Melayu Radio Brunei yang bertujuan untok menchungkil bakat2 baru dalam seni suara di-samping menghidupkan kembali unsor2 kebudayaan dan kesenian Brunei.**

## 378 lulus pereksa b-Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 378 dari 657 orang chalun dari kelas dewasa di-seluroh negeri telah lulus dalam pepereksaan bahasa Inggeris yang telah di-adakan pada tahun lalu.

Pepereksaan itu di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa dan di-adakan di-19 buah pusat pepereksaan.

Ia-nya di-bahagikan kapada darjah2 primary dua, empat dan enam dan tingkatan satu dan dua.

Sa-ramai 20 orang chalun lulus dalam pepereksaan primary dua, 105 primary empat, 127 primary enam, 68 tingkatan satu dan 58 tingkatan dua.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

*Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 30hb. Januari, 1974 hingga ka-hari Selasa 5hb. Februari, 1974 ada-lah saperti di-bawah ini:–*

| *Hari Bulan* | *Dzohor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 30hb. Jan. | 12-39 | 3-59 | 6-36 | 7-47 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |
| 31hb. Jan. | 12-39 | 3-59 | 6-36 | 7-47 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |
| 1hb. Feb. | 12-40 | 4-00 | 6-37 | 7-48 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |
| 2hb. Feb. | 12-40 | 4-00 | 6-37 | 7-48 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |
| 3hb. Feb. | 12-40 | 4-00 | 6-37 | 7-48 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |
| 4hb. Feb. | 12-40 | 4-00 | 6-37 | 7-48 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |
| 5hb. Feb. | 12-40 | 4-00 | 6-37 | 7-48 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12–45 tengah hari.*

# LEBEH $120 RIBU DI-BAYAR UNTOK PERKHIDMATAN KEBAJIKAN PENCHEN2

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Penchen2 Negara telah membayar sa-jumlah $127,937.50 untok perkhidmatan kebajikan penchen2 di-seluroh negeri dalam bulan Disember, 1973 yang lalu.**

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 Negara menunjokkan, $122,537.50 di-bayar bagi perkhidmatan penchen umor tua; $4,637.50 bagi penchen orang buta serta tanggongan mereka dan $762.50 di-bayar bagi alaon orang2 tanggongan penyakit kusta dan gila.

Berikut ini ia-lah penyata pembayaran kasar bagi tiap2 bahagian:

**PENCHEN UMOR TUA**

| | |
|---|---|
| Daerah Brunei dan Muara | $ 68,025.00 |
| Daerah Belait | 23,812.50 |
| Daerah Tutong | 24,525.00 |
| Daerah Temburong | 6,175.00 |
| Jumlah: | 122,537.50 |

**PENCHEN ORANG2 BUTA SERTA TANGGONGAN-NYA**

| | |
|---|---|
| Daerah Brunei dan Muara | $ 3,175.00 |
| Daerah Belait | 537.50 |
| Daerah Tutong | 700.00 |
| Daerah Temburong | 225.00 |
| Jumlah | 4,637.50 |

**ALAON ORANG TANGGONGAN PENYAKIT KUSTA DAN GILA**

| | |
|---|---|
| Daerah Brunei dan Muara | $ 500.00 |
| Daerah Belait | 200.00 |
| Daerah Tutong | 62.50 |
| Daerah Temburong | — |
| Jumlah: | 762.50 |

## Lawatan ka-Ulu Belait

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah melawat ka-Kampong2 Melilas, Apak2 dan Bukit Teraja di-Ulu Belait pada minggu lalu.

Pegawai Daerah itu telah di-sertai oleh antara lain Pemangku Pegawai Pemerentah Pulis Daerah Belait, Awang Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Yahya bin Haji Harris dan Merinyu Kanan, Awang Kevin Fong.

Dalam masa lawatan itu, Pegawai Daerah itu telah beramah tamah dengan pendudok2 kampong dan menasehatkan mereka supaya menumpukan usaha mereka kapada pertanian demi untok menambahkan pendapatan mereka.

Pegawai Daerah itu juga melawat ka-bangunan sementara Sekolah Melayu di-Kampong Apak2.



**PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Jaafar telah menyerahkan sa-batang bedil tembaga kapada Muzium Brunei untok di-simpan di-muzium itu.**

**Bedil tersebut telah di-serahkan kapada Pegawai Muzium, Awang Lai Huat baru2 ini (gambar atas).**

**Bedil yang berat-nya lebeh 100 kati itu telah di-simpan oleh Pejabat Daerah Tutong sa-lama beberapa tahun.**

**(Dari muka 3)**

Enam orang penuntut persendirian dari Sekolah Menengah Ugama Mahat Johor telah di-beri dermasiswa Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama mulai dari tarikh mereka menuntut di-Sekolah Arab Al-Juned.

Sementara itu penempatan bagi sa-ramai 18 orang penuntut dari Universiti Kebangsaan dan Universiti Malaya yang juga terlibat dalam penarekan itu pada masa ini sedang di-usahakan.

Manakala dua orang penuntut yang juga terlibat dalam penarekan itu telah menarek diri dari menyambong pelajaran mereka.

Mereka ia-lah Awang Serbini bin Bidin dari Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin dan Dayang Siti Azimah binte Abdul Rahman dari Maktab Kadir Adbibi Kelantan.

## Hadhiri kursus bahasa Inggeris di-Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai bimbingan dan sa-orang penyelia sekolah2 Inggeris dari Jabatan Pelajaran Brunei telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu untok menghadhiri kursus bahasa Inggeris di-Pusat Pengajian Tinggi di-republik itu.

Pegawai2 bimbingan itu ia-lah Awang Zainal Abidin bin Muhammad dan Awang Hussien bin Mahari dan mereka akan menghadhiri kursus itu sa-lama empat bulan sementara Penyelia Sekolah2 Persediaan Inggeris, Awang Kassim bin Adis akan menghadhiri-nya sa-lama sa-tahun.

Ini ada-lah kali kedua Jabatan Pelajaran Brunei menghantar pegawai-nya menghadhiri kursus yang sama.

Kali pertama ia-lah dalam bulan Julai tahun lepas di-mana Awang Ismail bin Opak dan Awg. Abdullah bin Othman telah dihantar untok menghadhiri kursus di-pusat itu.

## *Sambutan Muharam*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Peduman Kampong Pelambayan akan mengadakan sambutan awal Muharam 1394 pada hari Juma'at 1hb. Februari, di-Dewan Sekolah Melayu Dato Gandi.

Antara achara2 yang akan di-persembahkan ia-lah peraduan membacha Quran, terbuka kapada orang dewasa lelaki dan perempuan yang tinggal di-Kampong Pelambayan, Dato Gandi, Serdang, Sungai Matan dan Kota Batu.

Kemunchak dari sambutan itu ia-lah satu sharahan khas mengenai awal Muharam oleh Ustaz Syed Abu Bakar Al Attas, sa-orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Majlis sambutan awal Muharam itu ada-lah terbuka untok kunjongan orang ramai.



## *Penuntut2 terbaik terima hadiah TV*

SERIA. — Dua orang penuntut dari Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam Seria masing2 telah di-hadiahkan sa-buah peti telivishen oleh Sharikat Abdul Samad bin Haji Metussin dan Anak2.

Mereka ia-lah Sharifah Mastura binte Wan Taha dan Awang Tangga bin Riah.

Kedua2 penuntut itu telah di-pileh sa-bagai penuntut terbaik bagi tahun 1973 sa-telah mereka mendapat markah terbaik dalam pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran pada tahun lalu.

Peti telivishen itu telah di-sampaikan oleh Awang Samad sendiri.

Penyampaian hadiah itu telah di-adakan di-majlis penyampaian sijil2 dan hadiah2 kapada penuntut2 di-Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam Seria baru2 ini.

Sa-lain dari itu enam orang penuntut dan beberapa orang ketua penuntut juga telah menerima sijil2 dan hadiah di-majlis itu.

Awang Khalid bin Shahziar dan Dayang Aminah binte Abdul Rahman telah di-pileh sa-bagai penuntut yang terbaik dalam tingkatan satu; Awang Inggu bin Duat dan Dayang Rosnani binte Bohari di-pileh sa-bagai penuntut terbaik dalam tingkatan dua.

Sementara Awang Mohammad bin Marsal dan Awang Hamdan bin Haji Abdul Rahman di-pileh sa-bagai pengakap terbaik.

**Gambar atas menunjokkan Awang Samad menyampaikan peti telivishen kapada Sharifah Mastura sambil di-perhatikan oleh Che'gu Mohammad Shah bin Haji Ahmad, penolong pengetua Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam.**

# JAWATAN2 KOSONG

## Juruteknik Makmal Terlateh

Permohonon2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan Juruteknik Makmal Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah telah menerima latehan di-Institiut Penyelidekan Perubatan Kuala Lumpur sekurang2-nya sa-lama 3 tahun, atau telah menjalani latehan yang sa-banding dengan latehan tersebut. Mereka mesti-lah mempunyai sijil atau diploma Juruteknik Makmal Terlateh.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji — $410x20-510/EB/540x20-660.

**Baksis:**

Bagi chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 18hb. Mach, 1974.

## SA-BAGAI JURU MESEN TINGKAT I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok jawatan Juru Mesen Tingkat I di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

**Kelayakan2:**

Chalun2 mesti-lah telah mendadapat latehan di-Sekolah Pertukangan Kerajaan atau B.S.P. atau mempunyai pengalaman dalam Auto Engineering di-mana2 Bengkel.

**Tugas2:**

Chalun yang berjaya akan di-kehendaki, jika perlu, untok bekerja pada bila2 masa sa-lepas waktu bekerja untok membaiki kerosakan2 kechil.

**Pakaian Seragam:**

Pemohon yang berjaya di-kehendaki memakai pakaian seragam Pasokan Bomba saperti yang di-arahkan oleh Pengawal Pasokan Bomba.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB.3 — $220 x 10-290/EB/300x10-350.

Gaji permulaaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 14hb. Mach, 1974.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

## Sa-bagai Tukang Masak

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 Tukang Masak di-Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

(a) Pemohon2, lelaki atau perempuan mesti-lah berumor tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau Restoran.

(b) Mereka mesti-lah mempunyai pengalaman memasak makanan Melayu, China dan Inggeris.

(c) Permohonan2 hendak-lah di-sertakan bersama2 dengan surat2 akuan jika ada.

(d) Hanya pemohon2 yang bermastautin di-Daerah Belait sahaja di-kehendaki memohon.

**'Am:**

Chalun2 yang berjaya di-kehandaki bertugas di-hospital2 atau asrama2 pekerja sa-bagaimana yang di-arahkan.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB.3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 18hb. Mach, 1974.

## Sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tkn. II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Pemandu Motor Sangkut Tingkatan II di-Pejabat Daerah Temburong.

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya sa-lama dua tahun dan mempunyai sedikit pengetahuan membaiki kerosakan2 kechil bagi jentera motor sangkut dan pengalaman mengenai dengan perjalanan di-perayeran Sungai Temburong.

**Tugas2:**

Chalun yang berjaya mesti-lah bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji F.2 EB. 3 — $200x5-215/EB/200x5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 14hb. Mach, 1974.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

## Di-Jabatan Muzium

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Muzium, Brunei.

1. **PEMUNGUT:**

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

(a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 dan 40 tahun.

(b) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Melayu atau Sekolah Inggeris yang bersamaan.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji E.2 EB.3 — $260x10-290/EB/300x10-350.

**Tugas2:**

Chalun yang berjaya akan ditugaskan bekerja di-semua bahagian Muzium Brunei termasok-lah kerja2 luar pejabat.

2. **PENJAGA MALAM:**

**Kelayakan:**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 30 dan 40 tahun.

**Tugas2:**

Chalun yang berjaya akan di-kehendaki bekerja dari jam 5.00 petang hingga 7.00 pagi.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji F.1 — $180 x5-195.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 11hb. Mach, 1974.

## Jualan lelong

DENGAN ini di-ma'alomkan kapada orang ramai bahawa jualan lelong bagi barang yang tidak bertuan yang di-sebutkan dalam jadual di-bawah ini akan di-adakan pada hari Isnin 18hb. Februari, 1974 mulai jam 9.00 pagi bertempat di-Ibu Pulis Diraja, Gadong, Brunei.

**Jadual**

| Bil. | Butir2 Keterangan |
|---|---|
| 1. | MORRIS MINI TRAVELLER<br>Warna : Duku.<br>Kuasa Ingin : 998 c.c.<br>Bil. Injin : 994 — 141 — H.9865.<br>Bil. Daftar : B. 8334.<br>Mula di-daftar : 31.5.1969.<br>Keadaan : Dalam keadaan baik. |

2. Penangkap lelong yang berjaya hendak-lah membayar dengan tunai dan seterus-nya memindahkan kereta tersebut sa-baik2 saja lelong selesai di-jalankan. Jika kereta itu tidak di-pindahkan dalam tempoh tersebut maka wang yang telah di-bayar tidak akan di-balekkan dan kereta itu akan di-lelong semula.

## Sa-bagai Bilal di-J.H.E.U.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdari dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Bagi Mesjid Kampong Sungai Ubar, Kuala Belait — (1 jawatan)

Bagi Mesjid Tanjong Maya Tutong — (1 jawatan).

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid2 yang berkenaan.

**Kelayakan2:**

(a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

(b) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kepayah bila2 masa di-kehendaki.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji U.2 — $220 x10-390-410x10-430.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 4hb. Mach, 1974.

## Juru Mesen Tingkat I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Juru Mesen Tingkat I di-Pejabat Daerah Temburong.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja mekanik dalam sa-sebuah bengkel.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB.3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 14hb. Mach, 1974.

# 32 orang di-pileh ka-Sek. Kejuruteraan

**KUALA BELAIT. — Sa-ramai 32 orang penuntut telah di-pileh masok ka-Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah Kuala Belait untok mengikuti kursus City and Guilds awal tahun ini.**

Lapan orang penuntut telah di-pileh dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, lapan dari Maktab Anthony Abell, lima dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, tiga dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir, tiga dari Sekolah Inggeris Berakas, dua dari Sekolah St. James dan tiga orang penuntut yang masing2 di-pileh dari St. Georges, St. Andrews dan Sekolah Kaki Bukit, Singapura.

Pengetua sekolah tersebut, Awang J.B. McRae meminta penuntut2 yang di-pileh itu supaya melaporkan diri ka-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Jefri Bolkiah pada 6hb. Februari dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Penuntut2 yang di-pileh dari Maktab SOAS ia-lah Mohd. Jaafar bin Ahmad, Alias bin Rahman, Ahmad bin Burut, Kamis bin Haji Tudin, Ahmad bin Tassim, Morni bin Mohd. Salleh, Wee Ong Pek dan Ismail bin Mohidin.

Penuntut2 yang terpileh dari Maktab Anthony Abell ia-lah Badri bin Keluloh, Maidin bin Mat Juni, Madihi bin Taha, Malai Zailani bin Md. Taha, Abdul Rahman bin Haji Abdullah, Ariffin bin Abdul Rahman, Julkifli bin Othman dan Sardani bin Haji Yusof.

Dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah ia-lah Musa bin Tajudin, Teo Seng Hee, Sarililah bin Hamid, Gunong bin Aji dan Mohd. Azmi bin Suhaili.

Dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir ia-lah Sutarno bin Samin, Zini bin Abd. Hamid dan Sanip bin Hamid.

Penuntut2 yang di-pileh dari Sekolah Inggeris Berakas ia-lah Haji Mohd. Hashim bin Haji Md. Puting, Majid bin Damit, dan Ramlee bin Md. Ariff.

Bujang bin Othman dan Ak. Salim bin Pg. Damit dari Sekolah St. James; Shanan bin Haji Saidin dari Sekolah St. Andrews; Mohammad bin Damit, dari Sekolah Menengah Kaki Bukit, Singapura dan Safri bin Abd. Wahid dari Sekolah St. Georges.

Penuntut2 itu akan tinggal di-asrama sekolah itu dan menerima alaon bulanan sa-banyak $45.00 sa-masa menjalani kursus tiga tahun itu.



# JEMAAH2 HAJI SELAMAT PULANG KA-TANAH AYER

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 619 orang jemaah haji Brunei telah selamat pulang ka-tanah ayer dalam minggu lalu sa-telah selesai menunaikan fardhu haji di-Mekah.**

Rombongan pertama yang mengandongi sa-ramai 403 orang jemaah haji telah tiba pada pagi hari Khamis sementara rombongan kedua yang mengandongi sa-ramai 216 orang jemaah haji telah tiba di-lapangan terbang antar Brunei pada malam Ahad.

Jemaah2 haji itu telah menaiki kapal terbang 'Tri-Star' yang di-sewa khas untok membawa mereka dari Jeddah ka-Brunei.

Di-antara beribu2 orang saudara dan sahabat handai yang mengalu2kan ketibaan jemaah2 haji itu termasok-lah Pmk. Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin dan Jemaah2 Penasehat Haji.

Dato Paduka Awang Haji Abd. Aziz telah merafakkan keshukoran yang tidak terhingga ka-hadharat Allah Subhanahu-Wataala atas sempurna-nya jemaah2 haji Brunei menunaikan ibadah haji dan menguchapkan selamat pulang ka-tanah ayer kapada mereka.

Beliau berdo'a moga2 jemaah2 haji itu mendapat taufik dan hidayah dari Tuhan dan mudah2an mendapat kurnia haji mabrur.

Kapada keluarga2 yang kehilangan kerabat2 mereka ketika mennunaikan ibadah haji, beliau dengan sedeh-nya merafakkan uchapan ta'aziah kapada mereka dan kapada jemaah2 haji yang meninggal itu, beliau berdo'a s e m o g a Tuhan menempatkan roh2 mereka di-tempat kumpulan roh2 dari umat yang di-redhai-Nya.

Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama juga telah mengalu2kan ketibaan jemaah2 haji yang tiba dalam rombongan kedua pada malam Ahad lepas.

Sa-masa menunaikan fardhu haji, jemaah2 haji itu telah diiringi oleh empat orang Pegawai Perhubongan dan empat orang rombongan pegawai perubatan.

Pegawai2 Perhubongan itu ia-lah Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Awang Haji Tahir bin Haji Abdul Wahab, Awang Haji Sabtu bin Muhammad dan Awang Haji Hussain bin Zainal.

Rombongan pegawai perubatan di-ketuai oleh Dr. Haji Johar bin Haji Nordin. Tiga orang yang lain-nya ia-lah Awang Haji Omar bin Burut, Awang Haji Wahid bin Awang Besar dan Hajjah Dayang Halimah binte Abdul Latif.

**Gambar atas menunjokkan sa-bahagian dari jemaah2 haji yang tiba dalam rombongan pertama ketika turun dari kapal terbang "Tri-Star" yang di-sewa khas untok membawa mereka dari Jeddah ka-Brunei.**

# Derma utk pembinaan stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak $19,682.31 telah di-terima untok derma tabong pembinaan stadium.

Dari jumlah tersebut, sa-banyak $18,382.31 telah di-terima oleh Setia Usaha Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri sementara yang lain-nya di-terima oleh Pengerusi Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium Daerah Tutong dan Temburong.

Persatuan Bank2 Negeri Brunei telah menderma sa-banyak $16,530.31. Pengerusi-nya Awang P.L. Ogilvy-Stuart yang menggembarkan chek tersebut dalam sa-puchok surat kapada Setia Usaha Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium menyatakan bahawa kumpulan derma itu ada-lah di-sumbangkan oleh:

Bank of America sa-banyak $1,250.00; Chartered Bank sa-banyak $3,760.00; First National City Bank sa-banyak $1,251.49; Hongkong and Shanghai Banking Corporation sa-banyak $6,530.73; Malayan Banking Berhad sa-banyak $1,250.00; Bank Kebangsaan sa-banyak $1,250.00 dan United Banking Corporation sa-banyak $1,238.09.

Pegawai2 dan Kaki-tangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan menderma sa-banyak $1,030.00; Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri menderma sa-banyak $613.00 dan $209.00 telah di-terima dari penderma perseorangan ia-itu Hajjah Norniah binte Miron, sa-orang pedagang kueh mueh.

Pengerusi Tabong Pembinaan Stadium Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Jaafar menerima sa-banyak $1,000.00 dari Awg. Tan Teck Chai sa-bagai derma perseorangan dan Pengerusi Tabong Pembinaan Stadium Daerah Temburong, Awang Yunus bin Haji Mohd. Hussain menerima sa-banyak $300.00. Sa-banyak $200.00 di-terima dari Kedai Sharikat Labu Estate dan $100.00 dari Sekolah Melayu Labu Estate.

**Gambar bawah kiri: Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri menerima derma dari pegawai dan kaki-tangan SUK yang di-sampaikan oleh Awg. Zakaria, sementara gambar kanan, Awang Abdullah menerima derma perseorangan dari Awang Tan Teck Chai.**





# Masok Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bilangan orang yang memelok Ugama Islam telah bertambah pada tahun lalu.

Menurut daftar yang di-keluarkan oleh Pejabat Kadzi Besar Brunei sa-ramai 91 orang dari berbagai bangsa telah memelok Ugama Islam sepanjang tahun lalu.

Dari jumlah itu sa-ramai 55 orang telah memelok Ugama Islam di-Daerah Brunei/Muara; 26 di-Daerah Belait; lapan di-Daerah Tutong dan dua dari Daerah Temburong.

Bangsa2 yang memelok Ugama Islam itu ada-lah terdiri dari bangsa China, Dusun, Iban dan lain2 lagi.

Dalam tahun 1972 sa-ramai 46 orang dari berbagai bangsa di-negeri ini telah memelok Ugama Islam.

**MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM**